

24 FEB 2004

Zainudin-Lantik

ZAINUDIN MAIDIN DILANTIK PENASIHAT MEDIA KEMENTERIAN PENERANGAN

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Kerajaan hari ini melantik Datuk Zainudin Maidin sebagai Penasihat Media kepada Kementerian Penerangan berkuatkuasa esok.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata dalam satu kenyataan hari ini, pelantikan itu dibuat setelah Zainudin menamatkan tempoh perkhidmatannya sebagai senator dan, dengan itu, selaku Timbalan Menteri Penerangan hari ini.

Zainudin dilantik sebagai Ahli Dewan Negara dari 25 Feb 1998 hingga 24 Feb 2001 dan dilantik semula bagi penggal kedua dari 25 Feb 2001 hingga hari ini.

Perkhidmatannya sebagai senator tidak dapat disambung kerana telah memenuhi had dua penggal, seperti yang termaktub dalam Perkara 45 (3A) Perlembagaan Persekutuan.

Zainudin, yang lebih dikenali sebagai Zam, 65, adalah seorang wartawan sebelum dilantik sebagai senator pada 25 Feb 1998.

Beliau seterusnya dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan pada 17 Jan 2001 sebelum menjadi Timbalan Menteri Penerangan pada 21 Nov 2002.

Berkahwin dengan Datin Zaiton Zainor Abidin dan mempunyai empat anak, beliau memulakan kariernya sebagai wartawan sambilan dengan Utusan Melayu pada lewat 1950-an di Alor Star.

Pada 1960, beliau menyertai Kumpulan Utusan Melayu sebagai wartawan sebelum dilantik Ketua Pemberita dua tahun kemudian. Kerjayanya dalam bidang kewartawanan terserlah sehingga dilantik sebagai Ketua Pengarang pada 1982.

Zainudin turut menulis beberapa buku seperti "Mahathir Di Sebalik Tabir" dan "Tun Razak: Jejak Bertapak Seorang Patriot". Karya terbarunya ialah "Wira Tak Didendang".

Pada satu sidang media di Angkasapuri, Zainudin berkata masyarakat kini kembali mempercayai media perdana kerana penyebaran maklumat yang disampaikan adalah maklumat yang benar berdasarkan bukti yang cukup.

"Kita memberikan fakta-fakta yang benar dan juga visual sebagai bukti," katanya selepas pertemuannya dengan pegawai-pegawai kanan kementerian.

Yang turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Penerangan, Datuk Mohamad Salleh Rafie dan Pengurus Besar Bernama Datuk Syed Jamil Syed Jaafar.

Zainudin berkata Radio Televisyen Malaysia (RTM) bukan disalahgunakan sebaliknya stesen itu hanya "membersihkan pembohongan" dan menyebarkan maklumat yang benar kepada masyarakat.

"Kita perlu sebarkan fakta-fakta yang benar kepada masyarakat untuk menjaga keselamatan dan kestabilan negara," katanya.

Zainudin kemudiannya bersalam-salaman dengan kakitangan kementerian sebelum meninggalkan perkarangan Angkasapuri.

-- BERNAMA
ZUZ AHH MAI